



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU2313
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERGETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *salam* dalam bahasa Melayu?
 - A Ketauhidan.
 - B Keagungan.
 - C Keharmonian.
 - D Kesejahteraan.

2. Apakah dasar pembinaan dan penyusunan nilai hidup manusia yang disarankan oleh akidah Islamiah?
 - A Kepentingan peribadi.
 - B Ketakwaan dan keimanan.
 - C Kebendaan dan kekuasaan.
 - D Pangkat dan darjat kebesaran.

3. Apakah manifestasi yang terhasil daripada hubungan antara akhlak dengan syariah?
 - A Timbul rasa ujub dan riak kerana melaksanakan ibadah dengan sempurna.
 - B Pelaksanaan syariah yang sempurna akan menghasilkan insan yang memiliki akhlak yang mulia.
 - C Memberikan tumpuan kepada kehidupan akhirat semata-mata dan melupakan dunia yang bersifat sementara.
 - D Memberikan motivasi yang tinggi untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan memperbaiki kehidupan seharian.

4. Manakah antara berikut yang **bukan** berkaitan sumber ilmu.
 - A Akal.
 - B Wahyu.
 - C Sanubari.
 - D Pancaindera.

5. Apakah pengertian syariah menurut istilah?
- A Jalan yang lurus menuju kebahagiaan.
 - B Tatacara kehidupan yang perlu diikuti oleh umat Islam.
 - C Metodologi untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna.
 - D Kaedah perundangan dalam agama Islam adalah berdasarkan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW.
6. Apakah peranan solat terhadap individu Muslim?
- i. Dapat melahirkan rasa takut kepada Allah SWT.
 - ii. Dapat melahirkan individu yang berakhlak mulia.
 - iii. Dapat mewujudkan hubungan baik antara antara manusia dengan penciptanya.
 - iv. Dapat melahirkan rasa ujub, takbur dan riak terhadap perintah Allah SWT.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
7. Siapakah golongan yang diberi kemudahan (*rukhsah*) dalam ibadah?
- i. Uzur.
 - ii. Sakit.
 - iii. Sihat tubuh badan.
 - iv. Bermusafir kurang 90km.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

8. Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?
- A Harta yang dimiliki oleh isteri dalam tempoh perkahwinan.
 - B Harta yang dimiliki oleh suami dalam tempoh perkahwinan.
 - C Harta yang dimiliki oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan.
 - D Harta yang dimiliki oleh suami isteri selepas tempoh perkahwinan.
9. Berikut adalah aspek *sekufu* (setaraf) dalam pemilihan pasangan menurut Islam **kecuali**
- A harta.
 - B akhlak.
 - C agama.
 - D merdeka.
10. Prinsip pendidikan Islam meliputi prinsip pendidikan _____
- i. tauhid.
 - ii. akhlak.
 - iii. lahiriah.
 - iv. akliah.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
11. Apakah bidang yang melibatkan keperluan dan perhubungan sesama manusia dalam tatacara atau peraturan Muamalat Islam?
- A Ekonomi dan sosial.
 - B Ekonomi dan pentadbiran.
 - C Sosial dan pentadbiran korporat.
 - D Politik dan pengurusan kewangan.

12. Manakah antara berikut merupakan faktor takaful diharuskan dalam Islam.
- A Bertujuan mengaut keuntungan.
 - B Berbentuk kontrak jual beli atau perniagaan.
 - C Berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan.
 - D Berbentuk sumbangan derma kepada individu yang menerima musibah.
13. Manakah antara berikut merupakan institusi pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam?
- i. Imarah.
 - ii. Khilafah.
 - iii. Imamah.
 - iv. Al-Kuttab.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
14. Khalifah adalah pemimpin negara yang perlu memastikan _____
- A kuasa pemerintahan adalah hak mutlak khalifah.
 - B rakyat bertindak sejajar dengan perintah Allah dan Rasul.
 - C pembangunan ekonomi menjadi agenda utama pemerintahan.
 - D semua rakyat termasuk yang bukan Islam mengeluarkan zakat.
15. Seseorang pemimpin dan pemerintah mesti melaksanakan sesuatu tindakan dan hukuman yang bersesuaian dengan syarak dan penuh hikmah. Tindakan yang demikian merupakan prinsip
- A keadilan.
 - B ketelusan.
 - C ketertiban.
 - D kebijaksanaan.

16. Antara berikut yang manakah merupakan etika kerja dalam Islam?

- i. Bekerja dengan rasa ingin menunjuk.
- ii. Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah SWT.
- iii. Bekerja dengan tergesa-gesa sehingga hasil yang didapati tidak memuaskan.
- iv. Bekerja dengan semangat gotong-royong dan berpandukan fikiran yang sihat.

- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

17. Penyelesaian yang dianjurkan oleh Islam dalam menyelesaikan masalah pembuangan bayi yang semakin berleluasa akhir-akhir ini adalah melalui

- A** memperbanyakkan program anak angkat.
B pendidikan seks diperkenalkan di peringkat sekolah.
C menubuhkan tabung bayi dan mewujudkan pusat jagaan.
D kursus dan bimbingan perkahwinan secara Islam digiatkan.

18. Pilih pernyataan yang berkaitan faktor luaran yang menyumbang kepada wujudnya salah faham terhadap Islam dalam kalangan masyarakat.

- i. Kurang pengetahuan Islam.
- ii. Pengaruh kebudayaan asing.
- iii. Perselisihan faham dan perpecahan umat Islam.
- iv. Serangan pemikiran oleh Orientalis Barat yang diketuai oleh intelektual Zionis.

- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

19. Cara Islam menangani perpecahan dalam masyarakat ialah
- A menganjurkan sikap mementingkan diri sendiri.
 - B memaksa manusia menganut satu fahaman sahaja.
 - C memperbanyakkan program yang berbentuk kerjasama.
 - D memahami, meyakini dan menghayati akidah dan tauhid.
20. Manakah antara berikut merupakan kesan positif globalisasi ke atas umat Islam?
- A Meningkatnya gejala sosial.
 - B Meluaskan penyebaran dakwah.
 - C Sistem kapitalis mendominasi jaringan kewangan dunia.
 - D Campur tangan kuasa besar terhadap krisis dalaman negara Islam.
21. “Globalisasi merupakan fenomena yang menjadikan dunia semakin kecil.”
Apakah sebab dunia berkeadaan sedemikian?
- A Pencemaran alam.
 - B Perkembangan teknologi maklumat.
 - C Dunia semakin dekat dengan kiamat.
 - D Manusia tidak menghiraukan arahan Allah SWT.
22. “Ajaran Islam dianggap tidak sesuai dan telah lapuk, seperti isu wanita bertudung.” Bagaimanakah cara untuk mengatasi salah faham ini?
- A Nasihat-menasihati.
 - B Menunjukkan teladan dengan menghayati ajaran Islam.
 - C Menerangkan kepada mereka tentang ajaran yang sebenar.
 - D Membuktikan bahawa orang Islam juga boleh hidup secara moden.

23. Manakah antara berikut benar tentang perancangan persekitaran dan penggunaan sumber alam pada pandangan Islam.
- A Manusia boleh melakukan apa sahaja demi pembangunan persekitaran dan sumber alam.
 - B Mengikut syariat dan menolak segala perkembangan teknologi yang berkait dengannya.
 - C Ia melibatkan tanggungjawab manusia kepada alam dan tiada kaitan dengan tanggungjawab terhadap Allah SWT.
 - D Mengambil kira soal nilai dan akhlak seperti jauh dari unsur kezaliman, pemborosan, pencemaran dan malapetaka.
24. Fenomena banjir kilat yang melanda kawasan bandar membuktikan
- A proses pempandaran yang maju dan berdaya saing.
 - B alam semulajadi mempengaruhi kehidupan manusia.
 - C pembangunan membawa keburukan kepada manusia.
 - D pembangunan yang tidak terancang menyumbang faktor bencana alam.
25. Hukum pembedahan plastik diharuskan dalam Islam sekiranya
- A Bertujuan untuk memikat hati suami.
 - B Boleh menambahkan keyakinan diri.
 - C Bertujuan untuk memulih kecacatan.
 - D Mampu menambahkan lagi kecantikan wajah.

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Agama Islam mempunyai asas-asas sebagai panduan yang telah ditetapkan dalam kehidupan manusia. Terdapat tiga elemen yang menjadi asas utama agama Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** ciri akhlak yang baik dalam Islam.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** peranan ibu bapa dalam melahirkan modal insan yang cemerlang.

(9 markah)

SOALAN 2

Perkahwinan merupakan tuntutan agama dan menjadi sunnah Rasulullah SAW. Hubungan suami isteri disebut sebagai salah satu rahmat dan tanda kebesaran Allah SWT kepada manusia.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** faktor yang menjadikan sebuah perkahwinan bahagia dan harmoni.

(6 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** implikasi jika seorang suami tidak melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga.

(9 markah)

SOALAN 3

Ekonomi Islam bukan sekadar memenuhi keperluan dan hajat hidup manusia, bahkan berkait dengan implikasi ibadah terhadap Allah SWT. Tanggungjawab menyempurnakan nafkah, zakat, sedekah, infak, jual beli dan sebagainya tidak hanya mendatangkan manfaat terhadap makhluk, tetapi memberikan kesan terhadap kerohanian insan.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan **tiga (3)** ciri ekonomi Islam.

(6 Markah)

b. Terangkan **tiga (3)** kepentingan pensyariatkan zakat kepada orang Islam.

(9 Markah)

SOALAN 4

Alam merupakan amanah Allah SWT kepada setiap manusia. Sistem keseimbangan dapat dibentuk menerusi unsur-unsur keharmonian, saling melengkapi, tertib, rasa hormat dan menyayangi alam sekitar.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** kesan pembangunan yang tidak seimbang terhadap kehidupan manusia.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** langkah mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.

(9 markah)

SOALAN 5

Salah faham terhadap Islam melibatkan kecelaruan, kekeliruan dan kekusutan kefahaman ke atas Islam disebabkan ideologi yang lahir daripada pemikiran manusia atau ajaran Islam yang tidak tepat dan tersasar daripada al-Quran dan Sunnah.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** faktor dalaman yang menyebabkan salah faham terhadap Islam.

(6 markah)

- b. Huraikan **tiga (3)** peranan yang perlu diambil oleh semua negara Islam untuk menghindari salah faham terhadap ajaran Islam.

(9 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT